

**Najib: Terlalu awal bincang pilihan TPP sebelum Trump putuskan
Free Malaysia Today
Nov 20, 2016**

Najib berkata, semua pemimpin anggota komited mahu TPP diteruskan dan mereka hanya akan membincangkan alternatif lain jika Trump tidak mahu AS menyertai TPP.

LIMA: Semua pemimpin negara Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) termasuk Malaysia komited mahu inisiatif perdagangan bebas itu diteruskan sehingga menjadi kenyataan, walaupun mempunyai pilihan jika Amerika Syarikat (AS) membuat keputusan sebaliknya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Dalam sesi pertemuan pemimpin negara TPP di luar persidangan Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC pada Sabtu yang dipengerusikan Presiden AS, Barack Obama, Najib berkata, negara terlibat sebulat suara mahu ia diteruskan.

TPP merupakan inisiatif perjanjian perdagangan bebas (FTA) membabitkan 12 negara APEC, iaitu Jepun, Australia, Brunei, Canada, Chile, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, AS dan Vietnam.

Selepas mengharungi proses rundingan kira-kira 6 tahun, beliau berkata, semua negara TPP bersetuju proses domestik diluluskan badan perundangan atau Parlimen masing-masing serta meneruskan pindaan undang-undang sewajarnya bagi memberi isyarat jelas negara TPP komited agar inisiatif itu menjadi kenyataan.

“Kita komited mahu TPP diteruskan, tapi sekiranya pendirian AS tidak mahu menyertai TPP, barulah 11 negara berbincang alternatif kepada bentuk TPP sedia ada,” kata Najib kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri program hari pertama mesyuarat pemimpin ekonomi APEC.

Perdana menteri berkata, walaupun terdapat banyak pilihan lain, Malaysia berpendapat terlalu awal untuk membincangkannya.

Beliau berkata, soal perdagangan bebas tidak hanya terikat dengan TPP, tetapi terdapat juga inisiatif lain seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau.

“Tapi kita tidak mahu beri gambaran kita sudah pun menyerah kalah dalam soal TPP, kita kena teruskan dengan harapan ia menjadi kenyataan.

“Melainkan pendirian AS sebaliknya tidak menyokong TPP, barulah kita melihat opsyen lain. Walaupun dalam kepala kita ada opsyen, tapi terlalu awal untuk membincangkan perkara tersebut,” katanya.

Najib berkata, dalam sesi TPP itu, Obama memaklumkan perkembangan semasa TPP serta sokongan anggota Kongres dan komuniti perniagaan terhadapnya.

Beliau berharap pentadbiran presiden AS yang baharu dipilih, Donald Trump dapat meneliti dan mempertimbangkan kepentingan TPP kepada Asia Pasifik untuk memberi laluan TPP menjadi kenyataan.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/20/najib-terlalu-awal-bincang-pilihan-tpp-sebelum-trump-putusan/>